

**Abd Muhaimin Bin Hasbollah: Adiguru Kraf Ukiran Kayu di
Malaysia**

Nurzafirah Abdul Khalid
Nor Farra Aryshah Roni Faizal
Wan Nor Haliza Wan Mokhtar
Norshila Shafuddin

**Fakulti Pengurusan Maklumat,
UiTM Cawangan Selangor, Kampus Puncak Perdana**
Jalan Pulau Indah AU10/A, Puncak Perdana, 40150 Shah Alam, Selangor

ABSTRAK

Kajian ini membicarakan tentang seorang tokoh seni ukiran kayu di Malaysia iaitu Abd Muhaimin Hasbollah yang telah menyumbang dan mengharumkan nama baik negara sama ada di tanahair mahupun di persada antarabangsa. Objektif kajian ini dijalankan adalah untuk menganalisis titik permulaan tokoh dalam bidang seni ukiran kayu sekaligus mengupas ciri-ciri dan falsafah yang terdapat dalam seni kontemporari yang dihasilkan. Kaedah kajian yang digunakan adalah kaedah kualitatif berdasarkan temu bual dan rujukan dokumentasi atau sumber sekunder bagi melengkapkan pengumpulan data. Dapatan kajian seperti latarbelakang, pendidikan, penubuhan bengkel, bahan utama, teknik dan motif ukiran, proses ukiran, alatan dan penghasilan produk juga turut diceritakan di dalam kajian ini.

Kata kunci: *Abd Muhaimin Hasbollah, Motif Ukiran, Ukiran Kayu, Adiguru*

ABSTRACT

This article unravels about a Wood Carving figure in Malaysia, Abd Muhaimin Hasbollah who has contributed and glorified the name of the country either domestically or abroad. The objective of this study is to analyze the starting point of Muhaimin Hasbollah in the field of wood carving art as well as to analyze the characteristics and philosophies in contemporary art. The research

method used is a qualitative method based on interviews and documentation references or secondary sources to complete the data collection. Findings of this study such as background, education, workshop establishment, main materials, techniques and motifs of carving, engraving process, tools and product production are also narrated in this study.

Keywords: *Abd Muhaimin Hasbollah, Wood Carving, Adiguru*

PENGENALAN

Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, seni dapat diterjemahkan kepada beberapa maksud yang tersendiri. Seni adalah karya yang dicipta dengan bakat yang terhasil daripada sesuatu ciptaan. Selain itu, seni juga merupakan sebuah kebolehan dalam mencipta sesuatu seperti lukisan, ukiran dan lain-lain. Sebagai contoh, kemahiran dalam menghasilkan sesuatu dengan pahat iaitu rupa seni pahat dan seni lukis. Definisi lain juga mengatakan bahawa seni ialah seseorang yang mempunyai kebolehan untuk mencipta sesuatu yang luar biasa iaitu tidak ramai yang boleh melakukan perkara yang sama (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2005).

Pelbagai bentuk seni telah dihidupkan oleh Islam sesuai dengan kemajuan ilmu pengetahuan semasa. Seni-seni seperti seni suara dan lagu, seni ukir, seni khat, seni bina dan sebagainya telah diperkenalkan. Salah satu seni yang dipraktikkan secara aktif pada masa kini adalah seni ukir. Sejarah seni ukir di Malaysia dapat dikaitkan dengan sebelum kedatangan pengaruh Hindu dan selepas kedatangannya. Pada mulanya, bentuk hiasan dihasilkan bercorak geometri dan setelah itu berubah kepada objek figura. Seni ukir merupakan salah satu cabang seni sebagai produk klasik warisan orang Melayu (Nor Adina, 2018). Tambahan lagi, kemahiran yang tinggi diperlukan untuk seni ukir kerana ianya bukan sekadar hiasan pada bentuk seni rupa sesuatu ciptaan, tetapi juga memperlihatkan elemen ukiran yang simbolik. Menurut penulis tersebut, seni ukir juga dikatakan sebagai seni pahat yang merangkumi segala apa yang di pahat atau di ukir.

Di Malaysia, seni ukiran kayu merupakan seni yang cukup sinonim dengan identiti masyarakat Melayu, malah telah wujud berabad lama iaitu sebelum kedatangan pengaruh Hindu sehinggalah kedatangan Islam di negara

ini. Antara negeri yang menghasilkan seni ukiran kayu adalah seperti negeri Kelantan, Terengganu, Melaka serta Negeri Sembilan. Ukiran kayu atau seni ukiran kayu ini terhasil daripada kerajinan tangan, kemahiran dan ketinggian ilmu yang diterjemahkan dalam pelbagai bentuk barangan seperti yang terdapat pada bangunan, perabot, alat muzik, dan sebagainya (Sinar Harian, September 2014). Bahan utama bagi penghasilan seni ukir adalah kayu. Meskipun dianggap sebagai industri desa, seni ukir mempunyai potensi yang cukup besar pada masa kini kerana dianggarkan kira-kira 3000 spesies sumber kayu terdapat di Malaysia. Kayu merupakan bahan semula jadi yang sangat sesuai dan dijadikan bahan utama seni ukiran dengan nilai estetika yang tinggi, selain digunakan sebagai komponen tambahan kepada produk lain. Kayu juga banyak digunakan dalam pembuatan perabot, kapal, barang perhiasan, barangan antik dan banyak lagi.

Terdapat 500 pengusaha yang terlibat secara aktif dalam aktiviti perindustrian seni ukiran kayu di seluruh negara, namun hanya segelintir sahaja yang masih bergiat aktif iaitu seramai 42 pengusaha sahaja termasuklah adiguru seni ukiran kayu di Malaysia iaitu Abd Muhaimin bin Hasbollah. Beliau merupakan adiguru bagi seni kraf kayu dan penglibatan beliau dalam menghasilkan seni ukiran kayu adalah dalam masa yang panjang. Sejak berkecimpung dalam industri seni ukiran kayu, adiguru ini banyak menyumbang masa dan tenaga beliau dalam penghasilan seni kraf kayu di Malaysia. Antara sumbangan terbesar yang dilakukan oleh adiguru ini adalah, beliau seringkali bergiat aktif dalam mendedahkan seni ukiran kayu di setiap komuniti yang terdapat di negara ini. Usaha memperkenalkan seni ukiran kayu lebih-lebih lagi kepada generasi muda sangat dititikberatkan memandangkan mereka merupakan pewaris serta legasi yang harus memartabatkan dan memperjuangkan warisan seni ukiran kayu yang terdapat di negara ini.

PERMASALAHAN KAJIAN

Pernyataan masalah merupakan isu atau masalah yang ingin dikaji dalam sesuatu penyelidikan. Masalah atau isu dapat diperolehi melalui pembacaan, pemerhatian serta temu bual yang telah dijalankan (Siti Aisyah, 2017). Pernyataan masalah bagi kajian ini adalah kurangnya kajian mengenai

tokoh ukiran kayu iaitu Abd Muhaimin bin Hasbollah serta bengkel seni ukirannya iaitu Inakraf Wood Carving. Perkara ini dapat diperjelaskan apabila kajian mengenai tokoh seni ukiran kayu kurang diketengahkan kepada umum. Berdasarkan pemerhatian yang dibuat, kajian terdahulu mengenai Adiguru Abd Muhaimin bin Hasbollah tidak banyak malah masih ramai yang tidak mengenali adiguru yang banyak menghabiskan masa serta keringat beliau dalam menghasilkan seni ukiran kayu. Bakat beliau amat ketara sehingga pernah beroleh anugerah di peringkat antarabangsa. Sehingga kini, terdapat satu kajian sahaja yang membicarakan mengenai beliau iaitu “Abd. Muhaimin bin Hasbollah: Manifestasi Seni Ukiran Kayu Kontemporari”. Kajian itu amat penting kerana ia merupakan salah satu usaha supaya masyarakat di luar sana dapat mengenali Abd Muhaimin bin Hasbollah sebagai adiguru dalam seni ukiran kayu kontemporari. Kepakaran dan jasa beliau dalam memastikan seni ukiran kayu di Malaysia agar tidak luput ditelan zaman wajar didokumentasikan (Yusniza & Norakmal Abdullah, 2020). Namun begitu, kajian tersebut hanya menitikberatkan mengenai seni kayu kontemporari yang dibuat oleh beliau.

Kajian yang dilakukan tidak begitu memfokuskan kepada cara penghasilan serta bagaimana beliau menempuhi cabaran dan rintangan dalam menghasilkan produk seni ukiran kayu selama ini. Oleh yang demikian, kurangnya pengetahuan mengenai tokoh serta rujukan yang ingin dibuat untuk memahami serta mendekati pengalaman adiguru seni ukiran kayu telah berlaku.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian dijalankan adalah seperti berikut:

- a) Untuk mengkaji titik permulaan tokoh dalam bidang seni ukiran kayu.
- b) Untuk meneliti motif dan kaedah dalam membuat seni ukiran kayu.
- c) Untuk menganalisis sumbangan tokoh dalam bidang seni ukiran kayu.

PERSOALAN KAJIAN

Pengkaji mendapati persoalan kajian adalah seperti berikut:

- a) Bagaimanakah titik permulaan tokoh ketika melibatkan diri dalam penghasilan seni ukiran kayu?

- b) Apakah motif serta kaedah yang diperlukan dalam membuat seni ukiran kayu?
- c) Apakah sumbangan tokoh dalam kegiatan seni ukiran kayu?

KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN

Berdasarkan kajian yang dibuat oleh pengkaji mengenai tokoh adiguru seni kraf kayu yang telah banyak menghasilkan buah tangan istimewa serta mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang ukiran kayu ini, didapati bahawa kajian ini dapat memberi kebaikan kepada para pengkaji lain pada masa akan datang. Kajian ini dapat membantu para penyelidik, pengkaji dan pelajar untuk membuat rujukan. Di samping itu, generasi muda khususnya akan memperoleh pengetahuan dan secara tidak langsung dapat mengenali warisan seni ukiran yang terdapat di bumi Malaysia. Selain itu, kajian ini juga memberi peluang kepada tokoh untuk menceritakan pengalaman dan penglibatan beliau dalam bidang tersebut melalui kaedah sejarah lisan. Melalui penceritaan beliau, pengkaji dapat mengetahui mengenai perjalanan tokoh dari mula hingga akhir serta kejayaan beliau dalam bidang tersebut. Dalam masa yang sama, kajian ini juga dapat dijadikan sebagai salah satu sumber penting kepada pengkaji lain yang membuat kajian mengenai seni ukiran kayu dan seangkatan dengannya.

Hasilnya juga dapat dilihat apabila masyarakat yang meminati warisan ini dapat menebarkan minat mereka dengan memperoleh ilmu daripada tokoh tersebut. Bagi pihak tokoh sendiri, kajian ini dapat meluaskan lagi warisan seni ukiran kayu terhadap masyarakat dan generasi muda malah secara tidak langsung dapat mengekalkan warisan seni kraf kayu yang terdapat di Malaysia. Seiring dengan hasrat tokoh, pengkaji merasakan bahawa ia menjadi tanggungjawab kepada pengkaji untuk mengekalkan dan menjadikan keterangan-keterangan lisan yang diterima semasa temubual dapat dijadikan sebagai sumber sejarah kepada generasi yang akan datang. Diharapkan melalui kajian ini akan memberi inspirasi kepada golongan muda untuk turut sama berkecimpung di dalam bidang yang semakin pupus mengikut peredaran masa. Adalah diharapkan juga supaya kajian ini dapat membantu negara bagi melahirkan generasi muda yang berminat untuk mendalami ilmu kemahiran, pembuatan serta penghasilan seni kraf kayu bagi memartabatkan nama

Malaysia di persada antarabangsa. Dalam masa yang sama, kajian ini dapat menjadi salah satu usaha dalam mempelbagaikan serta memelihara sumber sejarah asli yang kaya di Malaysia khususnya berkaitan dengan bidang yang dikaji.

TINJAUAN LITERATUR

Pada zaman pengaruh kebudayaan Hindu di Tanah Melayu, maka bermulalah pertembungan di antara kebudayaan Hindu dan kebudayaan Melayu asli. Beberapa bentuk kebudayaan Hindu seperti bahasa, kesusasteraan, pertukangan, seni ukiran dan sebagainya telah meresap masuk ke dalam masyarakat tempatan. Seni ukiran kayu berkembang luas ke istana-istana raja, ke rumah orang-orang besar dan kenamaan, rumah-rumah ibadat, pintu-pintu gerbang pada kota dan sebagainya. Berdasarkan peninggalan artifak dan daripada sumber-sumber tinggalan sejarah motif perubahan ukiran juga dapat dilihat dengan ketara. Seni ukiran telah menerima perubahan apabila agama Islam sampai ke Semenanjung Tanah Melayu kira-kira pada abad ke-14 sebagaimana tercatat di Batu Bersurat Terengganu (Abdul Halim, 2016). Pada dasarnya, seni ukir merupakan seni warisan Melayu yang sudah lama bertapak sejak berkurun lamanya dan mempunyai nilai peradaban yang tinggi. Berkonsepkan keseimbangan alam berlandaskan komposisi, pemilihan motif dan bentuk ukiran yang sangat menawan. Pengolahan dalam seni ukiran ini berhubung rapat dengan falsafah ketuhanan serta alam semesta. Ukiran juga digunakan pada rumah-rumah Melayu bagi menambahkan nilai estetik selain menyokong rupa atau sendi kepada bentuk bangunan berkaitan.

Ukiran kayu adalah salah satu seni tradisi Melayu di mana pengukir akan menyobek permukaan papan atau bungkah kayu bagi mencorakkan sesuatu motif. Antara lima jenis motif yang diterap pada kayu, adalah, flora, fauna, kosmos, geometri dan khat. Kebiasaannya, ukiran tidak menyerupai objek flora secara langsung tetapi diolah dalam bentuk simbolik agar menyerupai objek tersebut. Ia merupakan satu seni pertukangan yang wujud sebelum abad ke-16 di Semenanjung Malaysia. Kebanyakan seni ukiran di Kelantan dan Terengganu menggunakan motif tumbuhan kesan pengaruh kerajaan Langkasuka, manakala seni ukiran Perak, Negeri Sembilan dan

Melaka banyak dipengaruhi oleh seni ukiran daripada Jawa dan Cina di mana motif haiwan dan dewa lebih banyak digunakan (Ukiran Kayu Warisan Melayu, 2009).

Kedatangan pedagang-pedagang Islam dan Eropah ke Tanah Melayu telah mempengaruhi seni ukiran masyarakat tempatan ketika itu. Selain itu, seni ukiran turut menggunakan motif alam semula jadi, iaitu tumbuh-tumbuhan, corak geometri, corak kosmos dan ukiran khat dari ayat-ayat Al-Quran. Ciri-ciri tumbuhan yang digunakan sebagai motif dalam seni ukiran adalah daun, putik, buah, bunga dan akar.

Teknik ukiran adalah membuat lakaran, menebuk, memahat dasar, menyila atau mengukir, menghaluskan ukiran, membersihkan ukiran dan mengemas siap iaitu memeriksa mana-mana bahagian yang belum sempurna. Sesuatu ukiran kayu bermula dengan punca ukiran. Dalam erti kata lain, keunikan sesuatu ukiran kayu dapat dilihat dari penciptaannya yang bermula dengan punca ukiran. Punca ukiran adalah sumber atau permulaan sesuatu ukiran. Punca ukiran berkait rapat dengan keindahan alam terutamanya tumbuh-tumbuhan. (Nuansa Ukiran Kayu Melayu, 2015).

Mencipta motif baru berkait rapat dengan tradisi dan juga pengaruh yang diwarisi dari satu generasi ke generasi yang lain (Abdul Halim, 1986). Di samping itu, ia juga menunjukkan bagaimana orang Melayu pada awalnya sangat terperinci dan mempunyai kemahiran berfikir yang sangat tinggi dalam membuat motif ukiran kayu. Melalui penciptaan motif-motif sedia ada, secara tidak langsung dapat meningkatkan kemahiran pengukir Melayu ke tahap yang lebih tinggi serta meningkatkan pengiktirafan bagi mencipta seni ukiran yang lebih terkini dan kreatif.

Pada era pemodenan kini, pembangunan teknologi yang pesat menyebabkan kurangnya minat untuk memelihara seni ukiran kayu terutama dalam kalangan generasi muda. Kemahiran seni ukiran kayu semakin terhakis dalam kalangan masyarakat Melayu di negara ini. Memandangkan seni ini memerlukan kesabaran yang tinggi dan juga daya kreativiti yang menarik, warisan seni ukiran kayu masih boleh dipupuk dan diperkembangkan. Mengadakan kempen atau bulan seni ukir juga merupakan satu langkah untuk

menarik minat dan menambah pengetahuan kepada masyarakat terhadap seni ukir Melayu. Untuk mengembangkan seni ukiran ini masyarakat seharusnya menyokong program atau kempen ini.

Usaha ini juga tidak seharusnya dilakukan di sebuah tempat sahaja, sebaliknya mereka yang terlibat ini perlu membuat penjelajahan (roadtour) ke seluruh negeri dan luar negara bagi memperkenalkan sejarah ukiran kayu dan melakukan demonstrasi pembuatan seni ukir. Pengukir tempatan juga seharusnya didedahkan dengan pertandingan mengukir di peringkat antarabangsa kerana ia merupakan salah satu cara yang dilihat berkesan dan menguntungkan kepada semua pihak. Dengan cara sebegini secara tidak langsung dapat menarik minat ramai pengusaha dan seterusnya dapat membuka peluang pekerjaan masyarakat tempatan. Seajar dengan itu akan turut membantu menambah pendapatan negara dengan penjualan hasil seni ukiran tempatan sama ada kepada pembeli dari dalam dan luar negara. Di samping itu, dengan adanya ruang sebegini, warisan seni ukiran kayu diharap dapat diteruskan dan dipelopori juga oleh generasi akan datang.

Menurut Zulkifli (2008) golongan muda atau generasi baru sekarang tidak arif atau tidak tertarik untuk mempraktikkan seni ukiran kayu Melayu dalam kehidupan mereka. Dinyatakan juga, kini berlaku kekurangan tukang yang mahir mengukir kayu dan generasi pengganti. Ini terjadi kerana, usaha untuk menonjolkan keindahan ukiran kayu dalam perancangan reka bentuk seni bina bagi menarik perhatian generasi muda tidak begitu diutamakan. Perkara ini berlaku kerana kurang pemahaman generasi muda terhadap agenda pembangunan identiti seni bina di Malaysia. Dalam masa yang sama, dokumentasi seni ukiran kayu yang sedia ada pada masa kini yang dilihat seolah-olah tidak tersusun dan tiada penyelarasan antara institusi pengajian telah mengelirukan sesetengah pihak terutamanya generasi muda (Othman, 2009).

Sebaliknya, Abd Muhaimin yang mempunyai kepakaran dalam seni ukiran tradisional Melayu telah menjadikan diri beliau seorang adiguru negara sehingga kini. Beliau yang mula berkecimpung dengan bidang seni ukiran kayu sejak dari usia muda telah membuktikan bahawa, bidang ini juga boleh digilap minatnya sejak dari awal. Adalah perlu untuk diambil pendekatan tertentu agar

generasi muda merasa tertarik untuk mendalami bidang ini secara serius dan menjadikannya kerjaya utama agar warisan penghasilan seni kraf kayu berkualiti tetap segar merentasi zaman. Hasil karya seni hebat beliau dalam penghasilan seni kontemporari sekali gus mengekalkan keaslian kualiti sesebuah kayu tradisional dalam proses penghasilan ukiran seni kontemporari (Arita, 2010). Hasil daripada sesebuah karya beliau membawa cerita dan falsafah tersendiri bagi pemahaman yang lebih mendalam dan pengekal bentuk tradisional dalam bidang ukiran kayu di Malaysia tetap terpelihara. Hasil ukiran beliau yang bermutu tinggi telah menjadi faktor dirinya dinobatkan sebagai adiguru negara yang berpengalaman. Bakat serta kreativiti seni lukisan yang telah wujud dalam dirinya sekaligus menambahkan lagi kualiti kepada karya-karya seni ukiran beliau.

Menurut (Ruwaida, 2018) penggunaan bahan utama iaitu kayu dalam penghasilan seni warisan menjadikan Muhaimin begitu berhati-hati memilih bahan berkaitan. Beliau yang memiliki bengkel kayu sendiri mengatakan bahawa harga kayu yang berkualiti seperti Cengal mempunyai harga yang agak mahal dan tidak semua golongan mampu membelinya. Bagi tujuan komersial pula, beliau mempraktikkan dalam penggunaan kayu Jelutong kerana ia bersifat lebih ringan dan lembut untuk dijadikan sebagai produk ukiran kayu dan harganya juga lebih murah berbanding kayu Cengal.

Sehubungan dengan itu, jenis-jenis ukiran dapat dibahagikan kepada empat bahagian dan setiap bahagian mempunyai makna yang tersendiri. Terdapat dua jenis ukiran iaitu ukiran dua dimensi dan tiga dimensi. Ukiran dua dimensi dapat dilihat pada hiasan di dinding, pintu dan seumpamanya manakala tiga dimensi dapat dilihat pada perhiasan di rumah, patung, dan juga perabot (Perbadanan Kemajuan Kraftangan, 2009).

Rentetan daripada itu, Norhaiza (2019) mengatakan bahawa pembuatan seni ukiran Melayu adalah rumit kerana perlu dibuat dengan penuh perasaan, minat dan fokus. Justeru corak yang bakal dihasilkan seolah-olah hidup dan dapat berinteraksi dengan sesiapa yang melihatnya. Beliau menambah agar pihak kerajaan khususnya dapat membuka lebih banyak peluang kepada pengukir kayu seni Melayu dan secara tidak langsung dapat mengembalikan kegemilangan seni ukiran kayu Melayu di negara ini.

METODOLOGI

Kaedah Kajian

Kajian ini dijalankan menggunakan kaedah temu bual iaitu melalui aplikasi panggilan video. Melalui kaedah ini, pengkaji dapat menemu bual tokoh dengan mudah serta mendapatkan maklumat secara terperinci berkaitan dengan kajian ini.

Tokoh Kajian

Pengkaji memilih tokoh disebabkan oleh pengetahuan dan kemahiran beliau dalam bidang ukiran kayu sangat luas dan pengkaji berharap agar kajian ini dapat memberi impak positif kepada tokoh serta pengukir lain di negara ini. Abd Muhaimin bin Hasbollah merupakan adiguru kraf ukiran kayu di Malaysia. Pengalaman beliau selama 30 tahun dalam bidang seni kraf kayu ini membuatkan beliau telah banyak berkhidmat dan menghasilkan produk-produk yang berkualiti dan bermutu tinggi khususnya ukiran kayu. Beliau yang pada awalnya meminati seni lukisan, telah menukar haluan dengan menyambung pengajiannya ke peringkat Sijil Kemahiran Kayukraf dan sehingga kini, beliau telah menghabiskan masa dan tenaga dalam penghasilan seni kraf kayu. Kegiatan beliau dalam bidang ini sedikit sebanyak telah mengharumkan nama negara dengan seringkali bergiat aktif dalam penyertaan antarabangsa dan pernah dianugerahi pelbagai anugerah di peringkat antarabangsa juga. Menerusi kajian ini, tokoh telah menceritakan pengalaman beliau serta persoalan kajian bagi kajian ini.

Prosedur Pengumpulan Data

a) Kaedah Temubual

Pengkaji menggunakan kaedah temubual iaitu melalui 'Google Meet'. Temubual yang dibuat secara maya tersebut telah dibahagikan kepada dua sesi dan memerlukan sekurang-kurangnya 2 jam untuk tokoh di temubual.

Menerusi keterangan lisan oleh tokoh sendiri, temubual telah dirakamkan untuk memastikan sumber primer yang ada pada sejarah lisan tersebut. Berdasarkan temu bual tersebut, pengkaji dapat mengetahui dan mengumpul maklumat berkaitan dengan tokoh dengan lebih terperinci untuk diceritakan di dalam kajian ini.

HASIL KAJIAN

Latar Belakang

Ukiran kayu merupakan salah satu warisan seni rupa tradisi Melayu yang terulung. Seni ukiran kayu ini adalah satu seni menyobek atau mencari permukaan papan dan bongkah kayu bagi mencorakkan sesuatu motif (Ismail, 2001). Seni ukir juga dapat dikaitkan sebagai seni pahat yang merangkumi segala apa yang di pahat atau di ukir (Nor Adina, 2018). Menurut Ismail (2001), seni ukir yang sudah lama bertapak di persada seni warisan Melayu adalah merupakan satu peradaban yang paling tinggi nilainya kerana ia merupakan suatu seni yang belum dipengaruhi oleh sebarang unsur lain dan juga sebatian dengan masyarakat Melayu khususnya di Semenanjung Malaysia.

Pernyataan di atas merujuk kepada Encik Muhaimin bin Hasbollah, yang merupakan tokoh adiguru seni kraf kayu di Malaysia. Beliau telah dilahirkan di Pontian, Johor dan dibesarkan di Felde Pasir Raja dan kini sudah menetap di Temerloh, Pahang. Adiguru kraf kayu yang sudah mencecah usia 56 tahun ini merupakan anak kedua daripada enam beradik dan dikurniakan tiga cahaya mata menerusi perkahwinannya dengan Puan Zarina. Selain digelar 'Min' oleh sahabat pengukir dan orang sekeliling, beliau juga digelar dengan panggilan 'master' oleh sahabat-sahabat di luar negara. Muhaimin Hasbollah juga telah menceburi bidang ini selama lebih 30 tahun dalam bidang Seni Ukiran Kayu dan Perabot.

Pendidikan

Setelah menamatkan pelajarannya di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia di Sekolah Menengah Sultan Alauddin pada tahun 1982, beliau tidak pernah bekerja selama kira-kira dua tahun. Semasa di bangku sekolah, beliau sering

menceburkan diri dalam bidang seni lukis dan pernah memasuki pertandingan, mengadakan pameran solo dan sebagainya bagi mewakili sekolah. Menerusi minat dan bakat tersebut, beliau telah membuat koleksi dan menjual hasil kerja seni yang terkumpul di Singapura setelah menamatkan persekolahan. Pada tahun 1985, beliau telah melanjutkan pelajarannya di peringkat Sijil Kemahiran Kayukraf dan menjadi pelatih terbaik pada sesi tersebut. Beliau telah memasuki Kelantan Wood Carving, salah satu bengkel ukiran di Kota Bharu pada waktu itu yang dimiliki oleh Allahyarham Abdul Latif bin Long. Di situlah bermulanya penglibatan secara serius Muhaimin Hasbollah secara sepenuh masa dalam bidang seni ukiran kayu. Menurut beliau, bakat dan ilmu sedia ada dalam bidang lukisan telah dipraktikkan ketika menjalani pengajian seni ukiran kayu. Hasil daripada ilmu melukis yang telah sehati dengannya secara tidak langsung menjadi penyumbang kepada rekaan lakaran motif yang lebih menawan dalam hasil kerja seni ukiran kayunya.

Penubuhan Bengkel

Beliau kini memiliki bengkel yang dikenali sebagai '*Inakraf Wood Carving*' yang diambil sempena nama isteri beliau iaitu Puan Zarina. Bengkel yang terletak di Temerloh, Pahang telah ditubuhkan pada tahun 1991 ini adalah hasil titik peluh beliau dan isteri yang juga merupakan pengukir kayu yang berkemahiran. Tujuan bengkel ini dibuka adalah untuk menjadikannya sebagai salah satu ikon kepada generasi muda. Dalam erti kata lain adalah untuk menggalakkan generasi muda mempelajari bidang berkaitan hasil seni kraf kayu disamping menjadikan salah satu bidang kerjaya mereka khususnya di negeri Pahang kepada yang berminat. Selain itu, Muhaimin turut menekankan bahawa beliau berhasrat untuk mengembangkan ilmu mengenai bidang seni kraf kayu agar generasi muda lebih faham tentang bidang ini. Secara tidak langsung, Muhaimin juga ingin membuktikan bahawa bidang ini boleh pergi jauh dan menjadi salah satu industri terpenting di Malaysia. Memegang jawatan sebagai Pegawai Operasi di bengkel *Inakraf Wood Carving* ini, beliau juga terlibat dalam mempromosikan produk yang dibuat, selain terlibat dalam aktiviti-aktiviti lain yang berkaitan dengan bengkel tersebut.

Bengkel ini mempunyai pekerja-pekerja yang berpengalaman dalam bidang ukiran kayu dan skop pekerjaan juga telah dikhususkan mengikut

bahagian. Sebagai contoh, pekerja di bahagian finishing atau kemasan, di bahagian mengukir, promosi dan sebagainya. Dalam mencari pekerja yang berkemahiran, beliau juga menitikberatkan pekerja di bengkel tersebut mempunyai kemahiran dan yang paling penting adalah minat mereka dalam bidang ukiran kayu perlu ada. Berbekalkan pengalaman dan ilmu yang dikongsi kepada pekerja beliau, ramai pekerjanya telak mengorak langkah yang lebih jauh dengan menjadi usahawan dalam bidang ukiran kayu tersebut. Bengkel yang dibuka kepada orang awam ini seringkali menjadi tarikan kepada pelancong dalam dan luar untuk menikmati sendiri pengalaman mengukir yang dibimbing oleh Muhaimin sendiri berdasarkan pakej yang ditawarkan oleh bengkel tersebut.

Bahan Utama

Bahan utama yang diperlukan dalam seni ukiran kayu ini adalah kayu itu sendiri. Menurut beliau, ukiran kayu pada zaman dahulu sering dikaitkan dengan golongan atasan iaitu sebagai hiasan di dalam istana. Jadi beliau ingin memartabatkan lagi warisan seni ukiran kayu ini agar warisan ini tidak lupus dan masih kekal berterusan hingga turut di hargai oleh generasi akan datang. Bagi mendapatkan produk yang bermutu serta berkualiti, pemilihan kayu juga perlu diutamakan. Menurut Muhaimin Hasbollah, untuk mengukir, kualiti sesebuah kayu itu sangat penting khususnya ketahanan kayu tersebut perlu diberi perhatian supaya produk yang dihasilkan itu tahan lama dan juga tahan lasak.

Terdapat tiga jenis kategori kayu yang sesuai untuk diukir seperti kayu keras, kayu sederhana keras dan kayu lembut. Kayu keras seperti Cengal, Merbau dan kayu Balau dan kayu sederhana keras pula adalah Nyatoh, Meranti serta Tembusu manakala kayu Jelutong, Pulai dan juga kayu Merpisang adalah jenis kayu lembut. Menurut beliau, kayu jenis keras sesuai untuk menghasilkan produk atau hiasan yang terletak di luar atau *outdoor* kerana ketahanan kayu jenis keras lebih tinggi berbanding kayu sederhana dan kayu lembut. Bagi hiasan dalaman rumah, ia sesuai dibentuk menggunakan kayu sederhana keras oleh kerana kayu tersebut tidak tinggi tahap ketahanannya sekiranya diletakkan di kawasan yang terdedah seperti panas matahari dan hujan. Bagi kategori kayu lembut, ia biasanya digunakan untuk

membuat produk yang berskala kecil, lebih ringan serta mudah untuk dibentuk dan diukir seperti cenderahati, kotak-kotak dan sebagainya.

Teknik Ukiran

Terdapat tiga jenis teknik ukiran yang diperlukan dalam menghasilkan sesebuah ukiran kayu. Teknik pertama adalah teknik ukiran tebuk tembus di mana hasil karya tersebut dapat dilihat lubang pada ukiran tersebut yang berfungsi sebagai *ventilation* iaitu pengaliran udara dan pencahayaan kepada produk tersebut. Separuh tebuk pula adalah teknik di mana pengukir hanya melorek separuh sahaja daripada kayu tersebut. Biasanya ukiran seperti pintu, tiang rumah Melayu dan sebagainya menggunakan teknik ini. Manakala teknik ketiga adalah ukiran layang yang hanya digunakan untuk melorek sahaja dan tidak mempunyai corak timbul pada permukaannya. Ketiga-tiga teknik ini juga dapat dibahagikan kepada dua kategori iaitu teknik bersilat dan tidak bersilat. Menurutnya, teknik bersilat bermakna untuk diukir dan dilorek supaya corak ukiran itu dapat dilihat dengan jelas manakala teknik tidak bersilat adalah ia rata dan tidak dapat dilihat secara terperinci seperti teknik bersilat.

Motif Kontemporari dan Tradisional

Motif dapat didefinisikan sebagai corak dan motif merupakan perkara utama yang perlu ada dalam setiap ukiran kayu yang ingin di ukir. Terdapat dua kategori motif iaitu motif tradisional dan motif kontemporari. Motif tradisional kebiasaannya dapat dilihat apabila pengukir tersebut menghasilkan motif-motif lama dan diolah kembali supaya kelihatan baru. Bagi motif kontemporari, aspeknya lebih ringkas dan bebas seperti motif bersifat flora. Menurut Muhaimin Hasbollah, setiap pengukir mempunyai cara dan motif yang tersendiri dan mereka akan mengekalkan sifat-sifat asli yang terdapat pada corak tersebut. Bagi Adiguru ini, beliau lebih cenderung kepada motif berbentuk kontemporari. Menurutnya, ramai orang lebih menggemari motif yang berbentuk ringkas, kemas dan juga moden sementelah pula, ketika berada di zaman yang sedang berkembang maju ini. Motif kontemporari adalah sangat sesuai kerana ia mempunyai sifat moden, ringkas dan juga tidak serabut cara ukirannya.

Bagi Muhaimin Hasbollah, motif yang melambangkan identiti beliau sebagai pengukir adalah motif bunga Kesidang. Beliau seringkali menggunakan motif tersebut apabila menghasilkan sesebuah ukiran kayu. Beliau memilih bunga Kesidang juga dikenali sebagai bunga Tanjung dan bunga Kerak Nasi kerana keindahan dan kecantikan bunga tersebut yang mempunyai lima kelopak serta keharuman memukau bunga Kesidang tersebut yang sangat wangi. Ciri-ciri lain bunga tersebut juga adalah terletak pada kekuatan akarnya yang sangat kuat. Sekiranya hendak ditarik atau dicabut daripada permukaan tanah, adalah agak sukar. Berdasarkan ciri-ciri tersebut, beliau terus memilih bunga Kesidang sebagai identiti beliau. Katanya, setiap para pengukir mempunyai motif-motif mereka yang tersendiri untuk dijadikan sebagai identiti mereka.

Proses Ukiran

Perkara yang paling penting dalam menghasilkan ukiran kayu adalah proses untuk melakukan ukiran tersebut. Perkara utama yang perlu ada adalah bahan mentah iaitu kayu sama ada kayu keras, sederhana keras dan lembut. Proses yang kedua adalah alatan mengukir. Menurutnya, proses akan menjadi berbeza sekiranya pengukir ingin membuat teknik ukiran tebuk tembus atau separuh tebuk. Sebagai contoh, teknik tebuk tembus memerlukan banyak lubang, maka pengukir memerlukan mesin untuk membuat lubang tersebut. Tidak menggunakan alatan seperti gergaji, penebuk dan alatan memotong yang menggunakan tangan biasanya digunakan. Selain itu, pengukir akan menggunakan mesin bagi memudahkan dan mengurangkan masa memproses ukiran kayu tersebut. Memandangkan dunia semakin maju serta pelbagai teknologi yang sedang berkembang tersedia, para pengukir juga tidak ketinggalan untuk menggunakan teknologi baru dalam membuat ukiran kayu. Antaranya adalah mesin *Computer Numerical Control (CNC)* yang berfungsi sebagai mesin pemotongan kayu yang akan memotong kayu tersebut mengikut reka bentuk yang telah dipilih oleh pengukir dan secara tidak langsung dapat mempercepatkan dan memudahkan kerja para pengukir.

Peralatan yang digunakan

Salah satu perkara penting dalam proses mengukir adalah alatan yang

digunakan untuk membuat ukiran kayu. Terdapat beberapa alatan yang diperlukan untuk mengukir antaranya adalah pahat. Pahat merupakan alatan utama yang digunakan oleh pengukir khususnya Muhaimin Hasbollah dalam menghasilkan sesebuah ukiran kayunya. Pahat adalah alatan ukiran yang diperbuat daripada besi di mana sebelah hujungnya tajam untuk menebuk atau mengukir kayu. Fungsi lain adalah untuk membuat teknik ukiran jenis silat seperti teknik ukiran tebuk tembus bersilat. Menurutnya lagi, terdapat 30 bentuk pahat bagi setiap bilah yang digunakan dan kesemuanya mempunyai fungsi yang tersendiri. Alatan yang kedua adalah tukul dan berfungsi sebagai penukul untuk mengetuk pahat bagi membolehkan motif dihasilkan. Alatan seperti mesin juga diperlukan antaranya mesin pemotong kayu, router untuk menebuk dan membuat ukiran separuh tebuk, mesin penumbuk drill, CNC dan sebagainya.

Biasanya setiap alatan yang digunakan adalah berbeza dan bergantung kepada pengukir itu sendiri. Menurut beliau, alatan asas yang diperlukan untuk mengukir kayu hanyalah sekadar tiga atau empat alatan sahaja. Sekiranya pengukir tersebut mahir dan berpengalaman dalam bidang ini, mereka hanya memerlukan dua atau tiga alatan sahaja, seperti Adiguru Muhaimin Hasbollah. Alatan-alatan yang digunakan untuk mengukir khususnya pahat, biasanya dibeli dari negara luar seperti Indonesia dan Thailand. Menurut beliau, pahat di Indonesia mempunyai jangka hayat yang lama dan ketahanan besi tersebut juga lama seiring dengan kualiti besinya yang bagus.

Penghasilan Produk

Apabila mendapat tempahan daripada pelanggan, beliau akan mengesyorkan beberapa cadangan khususnya dalam memilih motif kepada pelanggan tersebut. Sekiranya motif atau corak bunga yang dipilih oleh pelanggan tidak bersesuaian, maka beliau akan membantu memilih untuk pelanggan tersebut. Terdapat banyak aspek yang perlu dilihat dalam memilih motif antaranya adalah reka bentuk rumah pelanggan.

Dari segi modal, ia bergantung kepada permintaan pelanggan sendiri. Sekiranya pelanggan menginginkan kayu yang mahal, maka modal yang perlu

diperuntukkan juga akan meningkat dan begitu juga sebaliknya. Dari segi keuntungan pula, beliau berkata ia bergantung kepada produk yang ingin dihasilkan. Perlu dilihat dari segi faktor antaranya berapa banyak komponen yang perlu dibuat, jenis kayu yang diminta oleh pelanggan, jenis gred ukiran sama ada 'A' atau 'A+' dan beberapa aspek yang lain. Bagi ketahanan sesebuah produk yang dihasilkan, sekiranya dijaga dengan rapi maka jangka hayatnya juga akan lama. Kebiasaannya, ukiran kayu yang diperbuat menggunakan kayu keras jangka hayatnya adalah selama 50 tahun manakala kayu yang bermutu dan tinggi kualitinya, dapat bertahan selama 100 tahun atau lebih berdasarkan rumah-rumah lama yang dapat kita lihat di negara ini.

Seringkali menerima tempahan daripada pelanggan tiga minggu lebih awal daripada jangka masa tempahan disiapkan, Muhaimin dan pembantunya akan mula mengumpul ciri-ciri serta bahan yang telah disediakan oleh beliau dan pelanggan berkaitan. Menurutnya, tempoh masa yang diperlukan juga bergantung kepada jenis ukiran yang ingin dihasilkan sama ada teknik ukiran tebuk tembus, separuh tebuk atau teknik ukiran tiga (3) dimensi. Sekiranya kuantiti yang diminta oleh pelanggan adalah banyak, beliau dan pembantunya perlu mengambil masa lebih lama, kira-kira selama dua hingga tiga bulan untuk menyiapkan produk ukiran tersebut. Kebanyakan tugas yang sering di buat oleh Muhaimin Hasbollah adalah mereka bentuk sesebuah ukiran dan yang selebihnya dari segi pemotongan, mengukir, kemas dan sebagainya akan dikendalikan oleh pekerja beliau yang terdiri daripada tiga (3) orang pekerja mahir.

Kejayaan dan Pencapaian

Abd Muhaimin Hasbollah merupakan nama yang terkenal sebagai seorang pengusaha kraf kayu yang pernah menyertai International Live Wood Carving Show dan pertandingan di Guangxi, China pada tahun 2012. Beliau bukan sahaja mewakili Persatuan PENGUKIR tetapi juga membawa nama baik negara di pertandingan tersebut. Pertandingan tersebut telah dianjurkan oleh International Wood Culture Society yang merupakan satu badan NGO yang berpusat di Amerika Syarikat. Dengan penggunaan teknik ukiran tiga dimensi, beliau telah berjaya menewaskan tujuh orang peserta lain yang terdiri daripada

pengukir-pengukir dari beberapa buah negara seperti China, Indonesia dan Filipina.

Antara motif ukiran yang sering beliau hasilkan adalah motif bunga. Gambaran sekuntum bunga di bawah punca benih adalah ukiran yang melambangkan bermulanya kelahiran dalam kehidupan. Setiap sulur bertaut dan melingkar dengan sendirinya tanpa halangan serta tidak bersentuhan melambangkan sikap rendah diri dan cerita atau falsafah dari segi penghormatan orang muda kepada orang yang lebih tua. Dengan ukiran serta falsafah yang disampaikan, telah melayakkan diri beliau dianugerahi "The Best Craftmanship Award 2012". Menurut adiguru kraf kayu terbaik negara ini kejayaan yang diperoleh bukan kejayaan beliau seorang malah kejayaan buat seluruh rakyat Malaysia. Justeru itu, kejayaan dan pencapaian Abd Muhaimin ini juga telah mengangkat martabat warisan melayu dan produk ukiran kayu Melayu dipandang tinggi di mata dunia.

Sering melibatkan diri dalam aktiviti "World Wood Day" yang dianjurkan setiap tahun, beliau seringkali berkesempatan bersama-sama dengan para pengukir yang lain khususnya di negara luar bagi meningkatkan kesedaran umum bahawasanya kayu dapat memainkan peranan yang penting dalam dunia lestari yang mesra alam. Antara lokasi yang beliau pernah sertai adalah di World Wood Day di China, Nepal, Cambodia dan Austria. Berdasarkan penglibatannya, beliau dapat mempelajari ilmu baharu serta pengetahuan beliau dalam seni ukiran kayu ini menjadi semakin luas dengan adanya aktiviti-aktiviti yang melibatkan para pengukir di seluruh negara. Secara tidak langsung, dengan adanya aktiviti seperti itu, para pengukir di Malaysia dapat menghasilkan lebih banyak produk yang bermutu dan setanding dengan pengukir di negara luar.

Pada tahun 2019, beliau telah menyertai pelbagai aktiviti promosi di peringkat antarabangsa dan sekaligus merangkul anugerah antarabangsa melalui seni ukiran yang dihasilkan oleh beliau. Antara penyertaan yang telah disertai oleh Muhaimin pada tahun tersebut adalah seperti "Belt & Road" Wood Artist Culture Exchange Week di Wenzhou, China. Selain itu, beliau juga menghadiri World Wood Day di Austria, Craft and Art Festival di Turki dan International Festival of Handicrafters di Kokand, Uzbekistan. Pada tahun yang

sama juga, beliau mendapat anugerah di dalam The 7th China Root Carving Art & Culture Festival yang berlangsung di Kaihua, China.

Melalui kejayaan yang dicapai, beliau telah membuktikan bahawa budaya di negara kita adalah unik. Cerita dan juga falsafah yang beliau ketengahkan dapat dilihat jelas di seluruh dunia bahawa bangsa Melayu juga mempunyai kepakaran dan kelebihan setanding dengan bangsa lain di dunia. Kepakaran beliau tidak dapat disangkal lagi, teknik dan juga motif yang dihasilkan mempunyai nilai dan harga yang harus dipelihara dan dikenali ramai di seluruh dunia sampai bila-bila.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, kajian ini dapat memaparkan secara jelas kebijaksanaan orang-orang Melayu terdahulu dalam bidang seni ukiran kayu. Perkara paling asas yang dapat dibuktikan dan dijelaskan adalah, orang Melayu mempunyai daya kreativiti dan pemikiran ke arah hasil kesenian yang bermutu tinggi, cantik dan menarik. Disebabkan itulah apabila kajian tentang seni ukiran kayu dilaksanakan, akan terlihat penghasilan sesuatu karya ukiran itu bukan sekadar berfungsi sebagai hiasan semata-mata, bahkan juga mempunyai makna yang tersendiri dalam setiap penghasilannya. Hasil kerja ukiran yang digabungkan dengan keseluruhan pemikiran dalam pelbagai reka bentuk telah berperanan sebagai hiasan dan menjadi perlembagaan kepada sesuatu hasil karya tersebut. Untuk seni bina Melayu tradisional, hasil seni ukiran kayu bukan sahaja dilihat sebagai suatu pencapaian dalam hasil kerja hiasan, tetapi harus dilihat sebagai ungkapan kerjasama antara pengukir, tukang bangunan dan pembekal bahan kepada kerja-kerja ukiran kayu berkenaan.

Dalam memperjuangkan seni ukiran kayu ini, beberapa isu kesenian dan kebudayaan kebangsaan sering kali timbul dalam masyarakat Melayu. Kajian ini juga dapat merumuskan bahawa pemuliharaan warisan dan falsafah ukiran perlu diusahakan oleh semua pihak dan setiap lapisan masyarakat. Ini sangat penting dalam usaha memartabatkan warisan seni ukiran asli negara. Ia juga perlu bagi memastikan kesinambungan warisan bukan sekadar impian semata-mata, bahkan juga memberi pengertian yang maksimum kepada generasi pelapis tentang peri perlunya belajar dan menjaga khazanah

berharga negara khasnya dari aspek pertukangan tangan seperti seni ukiran kayu tempatan yang kaya dengan keindahan dan hasil seninya.

RUJUKAN

Abdul Halim Nasir. (2016). Ukiran kayu Melayu tradisi. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Arita Hanim (2010). Peranan dan Tanggungjawab Adiguru Kraf dalam Memartabatkan Warisan Seni Ukiran Melayu dengan Latihan Berdaya Tahan.

Daud, N. I. M. K., Arbi, A., & Faisal, M. (2012). Pengaplikasian ukiran kayu melayu dalam seni bina di Malaysia. *Journal of Design and Built Environment*, 11, 1-14.

Desa ukiran kayu, D. (2014, December 15). Adiguru Norhaiza Bin Noordin.

Hartini Mohd Nawi. (2019, September 22). Master tukang kayu. *Metro Harian*.

Mohammad Nazri bin Ahmad. (2016). Falsafah seni ukiran Melayu. Tesis Doktor Falsafah Akademi Pengajian Melayu, Universiti Kuala Lumpur.

Nuansa ukiran kayu Melayu (2015). Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.

Othman Yatim (2009). Symbolisme dalam Seni Bina Rumah Melayu. Dewan Bahasa dan Pustaka. Pameran ukiran kayu: Sejarah dan motif ukiran. Diambil daripada <https://umlibguides.um.edu.my/pamerankayu/sejarahmotif>

Rasad, S. M. (2020, October 24). Potensi 500 pengukir kayu tradisional digilap. *Utusan Malaysia*.

Ruwaida Baharudin (2018). Ukiran Kayu terus menjadi seni buruan kraf bernilai tinggi. *Bernamea*

Said, I. (2001). Spesies-spesies kayu dalam seni ukiran Melayu. Penerbit UTM.

Ukiran kayu warisan Melayu (2009). Kuala Lumpur, Malaysia: Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia.

Yusniza Mohamed Yusof (2020). Muhaimin Bin Hasbollah: Manifestasi seni ukiran kayu kontemporari. *Fakulti Seni, Komputeran dan Industri Kreatif*

Zuliskandar Ramli (2014, August). Pekanbaru, Indonesia: The Meaning of Malay motif wood carving in Terengganu mosque